# FIXED DEPOSIT/FIXED DEPOSIT-i BUNDLE WITH SAVINGS ACCOUNT/ACCOUNT-i PENANG LIGHTSTREET BRANCH OPENING PROMOTION

(versi Bahasa Malaysia)

## PROMOTION PERIOD

The Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)] ("**HLB**") and Hong Leong Islamic Bank Berhad's (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (collectively referred to as the "**Bank**") **Fixed Deposit/Fixed Deposit-i Bundle with Savings Account/Account-i Penang Lightstreet Branch Opening Promotion** ("**Promotion**") commences on 11 July 2024 and ends on 31 July 2024, both dates inclusive or upon reaching the Fund Size Limit as defined under **Clause 14** below, whichever comes first ("**Promotion Period**"), unless notified otherwise by the Bank.

## TERMS & CONDITIONS

The following sets out the terms and conditions applicable to the Promotion ("**T&Cs**"):

## ELIGIBILITY

1. The Promotion is open to all individuals and non-individuals who are new customers or existing customers of the Bank ("**Eligible Customers**").

2. For the purpose of this Promotion:
   (i) New customers refer to customers who do not have any HLB Current or Savings Account/HLISB Current or Savings Account-i ("**CASA/CASA-i**") account and HLB Fixed Deposit/HLISB Fixed Deposit-i ("**FD/FD-i**") account prior to the Promotion Period; and
   (ii) Existing customers refer to customers who have any CASA/CASA-i and/or FD/FD-i account prior to the Promotion Period; and
   (iii) Individuals refer to individual Malaysian citizens and non-Malaysian citizens who are 18 years old and above; and
   (iv) Non-individuals refer to associations, clubs, schools, societies, non-profit organizations, sole proprietors, partnerships, limited liability partnerships and professional practices, duly registered or incorporated in Malaysia, excluding companies and corporate bodies.

3. The participating Savings Accounts/Account-i ("**Participating Savings Accounts/Account-i**") for this Promotion are as follows:
   (a) Hong Leong Basic Savings Account ("**BSA**");
   (b) Hong Leong Basic Savings Account-i ("**BSA-i**");
   (c) Hong Leong Savings Account;
   (d) Hong Leong Savings Account-i;
   (e) Hong Leong Harvest Savings Account ("**Harvest**");
   (f) Hong Leong Pay&Save (individual) Account ("**Pay&Save individual**");
   (g) Hong Leong Pay&Save (individual) Account-i ("**Pay&Save-i individual**");
   (h) Hong Leong Pay&Save (sole proprietor) Account ("**Pay&Save sole prop**");
   (i) Hong Leong Pay&Save (sole proprietor) Account-i ("**Pay&Save-i sole prop**"); and
   (j) Hong Leong Top Yield Account ("**Top Yield**");

4. The participating FD/FD-i accounts ("**Participating FD/FD-i Accounts**") for this Promotion are as follows:
   (a) Conventional Fixed Deposit ("**Conventional FD**"); and
   (b) Islamic Fixed Deposit ("**Islamic FD-i**").

5. The Promotion is applicable for New Funds only. "**New Funds**" are defined as:
   (a) Cash, new funds received via telegraphic transfer, Financial Process Exchange (FPX), DuitNow Online Banking/Wallet ("**DOBW**"), instant transfer or interbank GIRO from other banks, local cheque or banker's cheque issued by other banks which are deposited into the Participating Savings Account/Account-i and Participating FD/FD-i Account of the Customers; and

(b) Proceeds arising from the redemption of equity, unit trust funds, bonds/sukuk and/or Hong Leong Invest Safe during the Promotion Period that are re-deposited into any of the Participating Savings Account/Account-i of the Customers.

6. The following shall **NOT** be considered as "New Funds":
   (a) Maturing FD/FD-i or premature withdrawal of FD/FD-i from any existing FD/FD-i accounts with the Bank;
   (b) Intra bank transfer of funds, i.e., transfer of funds from another HLB/HLISB account (whether CASA, CASA-i, FD, FD-i, Term Investment Account-i ("**TIA-i**") or General Investment Account ("**GIA**")); and
   (c) Inter and/or intra branch transfer within the Bank including by third (3rd) party account transfer.

7. For the purpose of this Promotion, all New Funds must be placed and deposited into the Eligible Customers' Participating FD/FD-i Accounts and Participating Savings Account/Account-i **within seven (7) calendar days from the availability of the New Funds**.

8. Customers who have committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by the Bank or have been declared bankrupt/insolvent or are subject to any insolvency/bankruptcy proceedings at any time prior to or during the Promotion Period or has breached any terms and conditions contained in the General Terms and Conditions of Accounts, terms and conditions applicable to the Participating Savings Account/Account-i and Participating FD/FD-i Accounts shall **NOT** be eligible to participate or shall be immediately disqualified from participating in the Promotion.

9. This Promotion is **NOT** valid with any other on-going promotions offered by the Bank from time to time.

## PROMOTION MECHANICS

10. In order to be entitled to the Promotional FD/FD-i Rate set out in Table 1 below, the Eligible Customers shall during the Promotion Period:

    (a) place an FD/FD-i amounting not less than **Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000) ("Minimum Placement Amount")** and not more than **Ringgit Malaysia Five Million (RM5,000,000) ("Maximum Placement Amount")** into any Participating FD/FD-i Account for the tenure set out in Table 1 below ("**Tenure**"). Such a placement shall be referred to as the "**FD/FD-i Placement**"; and

    (b) deposit an amount equivalent to **thirty percent (30%) of the FD/FD-i Placement amount** into any Participating Savings Account/Account-i under the same name(s) and operating mandate as the Participating FD/FD-i Account. Such deposit shall be referred to as the "**Savings Account/Account-i Placement**." Such Savings Account/Account-i Placement shall be earmarked for a period of six (6) consecutive month(s) ("**Earmark Period**") where no withdrawals of the Savings Account/Account-i Placement shall be made.

**Table 1**

| Participating FD/FD-i Accounts | Tenure | Promotional Rate[1] | Minimum Placement Amount | Maximum Placement Amount |
|---|---|---|---|---|
| **FD/ FD-i** | **6 months** | **4.75% p.a.** | **RM1,000** | **RM5,000,000** |

*[1] The Promotional Rate may be revised should there be an Overnight Policy Rate (OPR) change or at the discretion of the Bank with prior notice.*

11. An illustration of the FD/FD-i Placement Amount, Savings Account/Account-i Placement Amount and effective rate on the FD/FD-i Placement and Savings Account/Account-i Placement after applying the Promotional Rate on the FD/FD-i Placement is set out in Table 2 below.

**Table 2**

| FD/FD-i Placement Amount | Savings Account/Account-i Placement Amount | Effective Rate[1] on the FD/FD-i & Savings Account/Account-i Placement | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BSA/ BSA-i | Savings Account/-i | Pay&Save/-i (individual)[2] | Pay&Save/-i (sole prop)[2] | Harvest | Top Yield |
| RM1,000 | RM1,000 X 30% = RM300 | 3.71% p.a. | 3.65% p.a. | 4.17% p.a. | 3.94% p.a. | 3.73% p.a. | 3.75% p.a. |
| RM10,000 | RM10,000 X 30% = RM3,000 | 3.71% p.a. | 3.65% p.a. | 4.17% p.a. | 3.94% p.a. | 3.73% p.a. | 3.75% p.a. |
| RM50,000 | RM50,000 X 30% = RM15,000 | 3.71% p.a. | 3.65% p.a. | 4.17% p.a. | 3.94% p.a. | 3.73% p.a. | 3.75% p.a. |
| RM500,000 | RM500,000 X 30% = RM150,000 | 3.71% p.a. | 3.70% p.a. | 4.00% p.a. | 3.85% p.a. | 3.73% p.a. | 3.75% p.a. |
| RM1 mill | RM1,000,000 X 30% = RM300,000 | 3.71% p.a. | 3.70% p.a. | 3.83% p.a. | 3.75% p.a. | 3.87% p.a. | 3.75% p.a. |
| RM5 mil | RM5,000,000 X 30% = RM1,500,000 | 3.71% p.a. | 3.70% p.a. | 3.69% p.a. | 3.67% p.a. | 3.87% p.a. | 3.77% p.a. |

[1] *The Effective Rate varies according to the FD/FD-i Placement Amount, Savings Account/Account-i Placement Amount and type of Designated CASA/CASA-i. The Effective Rates may be revised should there be an OPR change or at the discretion of the Bank with prior notice.*

[2] *In order to be entitled to the Pay&Save/Pay&Save-i (individual or sole prop) interest/profit rate, Eligible Customers shall place* ***Ringgit Malaysia Two Thousand (RM2,000)*** *in a single deposit into their Pay&Save/Pay&Save-i Account every month during the Earmark Period, subject to the Pay&Save/Pay&Save-i Account Terms and Conditions. Pay&Save/Pay&Save-i interest/profit payment is subject to a limit of RM100,000 per Eligible Customer.*

12. The Savings Account/Account-i Placement and earmarking shall be made concurrently with the FD/FD-i Placement during the Promotion Period. In the event the Savings Account/Account-i Placement and/or the FD/FD-i Placement is uplifted/withdrawn (in part or in full) within the Earmark Period for whatever reasons the prevailing FD/FD-i board rates shall apply to the FD/FD-i Placement, subject to Clause 18 below.

13. For the purpose of this Promotion, Eligible Customers who have fulfilled the criteria under Clauses 11 and 12 above shall be referred to as "**Entitled Customers**".

14. The aggregate fund size limit for the Participating FD/FD-i Accounts under this Promotion is set out in Table 3 below ("**Fund Size Limit**"):

**Table 3**

| Fund Size Limit |
|---|
| RM 50 million |

15. In the event any FD/FD-i Placement Amount exceeds the Maximum Placement Amount or if the Fund Size Limit is reached, then such excess FD/FD-i Placement Amount shall subject to the prevailing FD/FD-i board rates as determined by the Bank.

16. The Bank reserves the right to vary the Promotion Period, Promotional Rates and/or its criteria/requirement(s) for the Promotion with prior notice by way of posting the varied T&Cs on the Bank's websites at www.hlb.com.my and www.hlisb.com.my ("**Bank's Websites**") or any other manner which the Bank deems practical and such variation shall be effective from the effective date specified in the notification. Any such variation shall not be applicable to FD/FD-i placements made prior to the effective date of such variation.

17. Upon maturity, the principal FD/FD-i Placement amount shall be auto-renewed at the prevailing FD/FD-i board rates respectively and the interest/profit earned will be credited into the Entitled Customers' Designated CASA/CASA-i.

18. In the event the FD/FD-i Placement Amount is withdrawn prior to maturity of the FD/FD-i Tenure, whether wholly or partially, no interest/profit shall be payable on partially withdrawn amounts and premature withdrawals of FD/FD-i. For the avoidance of doubt, the interest/profit will be calculated based on the remaining balance principal amount subsequent to the partial withdrawal.

19. Subject to Clause 18 herein, for Conventional FD, partial withdrawal of FD Placement Amount is allowed in multiples of **Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000)** only. However, in the event that the FD Placement Amount is less **than Ringgit Malaysia Five Thousand (RM5,000)**, no partial withdrawal is allowed for that particular account and any such withdrawal shall be treated as a premature withdrawal of the entire FD Placement Amount in accordance with Clause 18 above.

20. Subject to Clause 18 herein, for Islamic FD-i, partial withdrawal of FD-i Placement Amount is allowed in multiples of **Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000)** only. However, in the event the amount in FD-i Placement Amount is less than **Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000)**, no partial withdrawal is allowed for that particular account and any such withdrawal shall be treated as a premature withdrawal of the entire FD-i Placement Amount in accordance with Clause 18 above.

21. The Bank reserves the right to deduct and debit an amount equivalent to the interest/profit paid to the Entitled Customers in respect of the FD/FD-i Placement Amount which is prematurely withdrawn from the Participating FD/FD-i Accounts.

22. Customers with Islamic FD-i product(s) shall be deemed to have agreed to waive his/her right to claim the full selling price for any withdrawal of Islamic FD-i before the maturity date.

23. FD/FD-i shall NOT be used as collateral for the purpose of securing any credit facility obtained or to be obtained by the Customers (with the exception of the FD amount to be used as collateral to secure Credit Card(s) issued by HLB) with the Bank. Please refer to the Secured Credit Card with Fixed Deposit Terms & Conditions for more information.

**GENERAL**

24. By participating in the Promotion, Customers:
    (i) confirm they have read and understood and hereby agree to be bound by the T&Cs herein, General Terms and Conditions of Accounts and terms and conditions applicable to the Participating Savings Account/Account-i and Participating FD/FD-i Accounts (“**Applicable Terms and Conditions**”);
    (ii) agree that all records of the fulfilment of the eligibility and entitlement requirement captured by the Bank’s system are accurate and final;
    (iii) agree that Bank’s decision on all matters relating to the Promotion shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customers;
    (iv) agree to access the Bank’s Websites at regular intervals to view the T&Cs of the Promotion and ensure to be kept up-to-date on any changes or variations to the T&Cs;
    (v) agree that the interest/profit earned is non-transferable to any third (3rd) party and non-exchangeable for up-front credit, cheque or benefit-in-kind; and
    (vi) agree to be liable and shall personally bear all applicable taxes, government fees or any other charges that may be levied against them under applicable laws, if any, in relation to their participation in the Promotion.

25. The Bank reserves the right:
    (i) with prior notice to the Customers, to add, delete, suspend or vary any or all of the T&Cs contained herein either fully or partially or terminate the Promotion at the Bank’s discretion by way of posting on the Bank’s Websites or in any other manner which the Bank deems practical;
    (ii) to forfeit/claw back the interest/profit earned in the event of non-compliance by the Entitled Customers of the T&Cs herein and/or the Applicable Terms and Conditions; and
    (iii) To claw-back the interest/profit earned in the event there is any detected fraud and/or breaches of the T&Cs.

26. The T&Cs herein and the Applicable Terms and Conditions shall be read as an entire agreement. In the event of any discrepancy between the T&Cs herein, General Terms and Conditions of Accounts and terms and conditions applicable to the Participating Savings Account/Account-i and FD/FD-i Accounts, the specific T&Cs herein shall prevail to the extent of such conflict or discrepancy.

27. In the event of any discrepancy between the T&Cs herein and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Promotion, the final T&Cs on Bank’s Websites shall prevail.

28. The T&Cs shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customers agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

29. Words denoting one gender include all other genders and words denoting the singular include the plural and vice versa.

**Member of PIDM. Deposit/Deposit-i products are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor (refer to Products Eligible for PIDM Protection).**

**Deposit-i are deposit accounts based on the Shariah contract of Tawarruq.**

If you have any enquiries regarding the terms and conditions, you may seek clarification from our staff who attended to you. Alternatively, please email us at hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Hong Leong Bank | Hong Leong Islamic Bank

# PROMOSI PEMBUKAAN CAWANGAN PENANG LIGHTSTREET GABUNGAN DEPOSIT TETAP/DEPOSIT TETAP-i DENGAN AKAUN SIMPANAN/AKAUN SIMPANAN-i

(English Version)

## TEMPOH PROMOSI

**"Promosi Pembukaan Cawangan Penang Lightstreet Gabungan Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dengan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i"** ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 11 Julai 2024 dan berakhir pada 31 Julai 2024, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 14** di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu ("**Tempoh Promosi**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

## TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ini **("T&S")**:

## KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua individu dan bukan individu yang merupakan pelanggan baharu dan sedia ada ("**Pelanggan Layak**").

2. Untuk tujuan Promosi ini:
   (i) Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun Semasa/Simpanan HLB atau Akaun Semasa-i/Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") dan Fixed Deposit HLB/Fixed Deposit-i HLISB (**FD/FD-i**) sebelum Tempoh Promosi; dan
   (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai CASA/CASA-i dan/atau FD/FD-i sebelum Tempoh Promosi; dan
   (iii) Pelanggan individu bermaksud individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas; dan
   (iv) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.

3. Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i sertaan ("**Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan**") untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
   (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong ("**BSA**");
   (b) Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong ("**BSA-i**");
   (c) Akaun Simpanan Hong Leong;
   (d) Akaun Simpanan-i Hong Leong;
   (e) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong ("**Harvest**");
   (f) Akaun Pay&Save (individu) Hong Leong ("**Pay&Save Individu**");
   (g) Akaun Pay&Save-i (individu) Hong Leong ("**Pay&Save-i individu**");
   (h) Akaun Pay&Save (pemilik tunggal) Hong Leong ("**Pay&Save pemilik tunggal**");
   (i) Akaun Pay&Save-i (pemilk tunggal) Hong Leong ("**Pay&Save-i pemilik tunggal**"); dan
   (j) Akaun Top Yield Hong Leong ("**Top Yield**");

4. Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i sertaan ("**Akaun FD/FD-i Sertaan**") untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
   (a) Deposit Tetap Konvensional ("**Deposit Tetap Konvensional**"); dan
   (b) Deposit Tetap Islamik ("**Deposit Tetap-i**").

5. Promosi ini sah bagi Dana Baharu sahaja. "**Dana Baharu**" ditakrifkan sebagai:
   (a) Wang tunai, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf, Financial Process Exchange ("**FPX**"), DuitNow Online Banking/Wallet ("**DOBW**"), pindahan segera atau interbank GIRO daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan didepositkan ke dalam Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan dan Akaun FD/FD-i Sertaan Pelanggan; dan

(b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan Pelanggan.

6. Yang berikut **TIDAK** boleh dianggap sebagai “Dana Baharu”:
   (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD/FD-i yang sedia ada;
   (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada CASA, CASA-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i (“**TIA-i**”) atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”)); dan
   (c) Pindahan antara dan/atau intra cawangan Bank termasuk pindahan pihak ketiga.

7. Untuk tujuan Promosi ini, semua Dana Baharu mesti diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaan Pelanggan Layak dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan **dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari ketersediaan Dana Baharu**.

8. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis/bankrap atau bakal dikenakan prosiding insolvensi/kemuflisan pada bila-bila masa, sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Umum Akaun untuk Deposit, terma dan syarat yang berkaitan dengan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan dan Akaun FD/FD-i Sertaan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini dan akan hilang kelayakan serta-merta daripada menyertai Promosi ini.

9. Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

## KAEDAH PROMOSI

10. Untuk menikmati Kadar Promosi FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi, Pelanggan Layak perlu:

    (a) membuat peletakan FD/FD-i tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** (“**Amaun Peletakan Minimum**”) dan tidak melebihi **Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000)** (“**Amaun Peletakan Maksimum**”) ke dalam mana-mana Akaun FD/FD-i Sertaan untuk tempoh yang tertera dalam Jadual 1 di bawah (“**Tempoh**”). Peletakan tersebut dirujuk sebagai (“**Peletakan FD/FD-i**”); dan

    (b) mendeposit amaun bersamaan **tiga puluh peratus (30%) daripada amaun Peletakan FD/FD-i** ke dalam mana-mana Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Sertaan di bawah nama dan mandat operasi yang sama dengan Akaun FD/FD-i Sertaan. Deposit ini dirujuk sebagai (“**Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i**”). Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i tersebut akan diuntukkan bagi tempoh enam (6) bulan secara konsekutif (“**Tempoh Diperuntukkan**”) di mana pengeluaran daripada Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i adalah tidak dibenarkan.

**Jadual 1**

| Akaun FD/FD-i Sertaan | Tempoh | Kadar Promosi[1] | Amaun Peletakan Minimum | Amaun Peletakan Maksimum |
|---|---|---|---|---|
| FD/FD-i | 6 bulan | 4.75% setahun | RM1,000 | RM5,000,000 |

*[1] Kadar Promosi akan disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR) atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.*

11. Ilustrasi amaun Peletakan FD/FD-I, Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i berserta kadar efektif pada Peletakan FD/FD-i dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i selepas menggunakan Kadar Promosi FD/FD-i pada Peletakan FD/FD-i adalah seperti tertera dalam Jadual 2:

## Jadual 2

| Amaun Peletakan FD/FD-i | Amaun Peletakan Akaun SImpanan/Akaun SImpanan-i | Kadar Efektif[1] Peletakan Deposit Tetap/Tetap-i dengan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BSA/ BSA-i | Akaun Simpanan/-i | Pay&Save/-i (individual)[2] | Pay&Save/-i (sole prop)[2] | Harvest | Top Yield |
| RM1,000 | RM1,000 X 30% = RM300 | 3.71% setahun | 3.65% setahun | 4.17% setahun | 3.94% setahun | 3.73% setahun | 3.75% setahun |
| RM10,000 | RM10,000 X 30% = RM3,000 | 3.71% setahun | 3.65% setahun | 4.17% setahun | 3.94% setahun | 3.73% setahun | 3.75% setahun |
| RM50,000 | RM50,000 X 30% = RM15,000 | 3.71% setahun | 3.65% setahun | 4.17% setahun | 3.94% setahun | 3.73% setahun | 3.75% setahun |
| RM500,000 | RM500,000 X 30% = RM150,000 | 3.71% setahun | 3.70% setahun | 4.00% setahun | 3.85% setahun | 3.73% setahun | 3.75% setahun |
| RM1 juta | RM1,000,000 X 30% = RM300,000 | 3.71% setahun | 3.70% setahun | 3.83% setahun | 3.75% setahun | 3.87% setahun | 3.75% setahun |
| RM5 juta | RM5,000,000 X 30% = RM1,500,000 | 3.71% setahun | 3.70% setahun | 3.69% setahun | 3.67% setahun | 3.87% setahun | 3.77% setahun |

*[1] Kadar Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD/FD-i, Amaun Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan jenis Akaun SImpanan/Akaun SImpanan-i yang Diperuntukkan. Kadar Efektif mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan OPR atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.*

*[2] Bagi kelayakan untuk mendapat faedah/keuntungan simpanan Pay&Save/Pay&Save-i (individu dan pemilik tunggal), Pelanggan Layak hendaklah mendeposit **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun Pay&Save/Pay&Save-i setiap bulan semasa Tempoh Diperuntukkan, tertakluk pada Terma dan Syarat Akaun Pay&Save/Pay&Save-i. Faedah/keuntungan Pay&Save/Pay&Save-i adalah tertakluk pada had RM100,000 untuk setiap Pelanggan Layak.*

12. Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan peruntukan hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD/FD-i dalam Tempoh Promosi. Sekiranya Peletakan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan/atau Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan (secara keseluruhan atau sebahagian) semasa Tempoh Diperuntukkan untuk sebarang alasan, kadar asas semasa FD/FD-i akan terpakai atas Peletakan FD/FD-i dan tertakluk pada klausa 18 di bawah.

13. Untuk tujuan Promosi ini, Pelanggan Layak yang menepati semua kriteria kelayakan dalam Klausa 11 and 12 di atas akan dirujuk sebagai **"Pelanggan Berkelayakan"**.

14. Jumlah saiz dana agregat untuk Akaun FD/FD-i Sertaan di bawah Promosi ini adalah seperti yang tertera dalam Jadual 3 di bawah (**"Had Saiz Dana"**):

## Jadual 3

| Had Saiz Dana |
|---|
| RM50 juta |

15. Sekiranya mana-mana Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum ataupun Had Saiz Dana telah dicapai, maka lebihan Amaun Peletakan FD/FD-i tersebut akan tertakluk pada kadar asas semasa FD/FD-i yang ditetapkan oleh Bank.

16. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/keperluan untuk Promosi ini dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang telah diubah di laman sesawang Bank www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") atau mana-mana cara lain yang Bank dapati wajar dan perubahan tersebut berkuatkuasa daripada tarikh efektif yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan FD/FD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.

17. Pada tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD/FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar asas semasa FD/FD-i yang berkenaan dan faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Berkelayakan.

18. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun 8engeluaran sebahagian atau pramatang FD/FD-i tersebut. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira untuk baki Amaun Pokok setelah pengeluaran sebahagian dibuat.

19. Tertakluk pada Klausa 18 di dalam ini, bagi FD, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika baki dalam FD kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang untuk keseluruhan Amaun Peletakan FD tersebut mengikut Klausa 18 di atas.

20. Tertakluk pada Klausa 18 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang untuk keseluruhan Amaun Peletakan FD-i tersebut mengikut Klausa 18 di atas.

21. Bank berhak menolak dan mendebit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan Deposit Tetap/Tetap-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok FD/FD-i pada masa pengeluaran.

22. Pelanggan dengan produk FD-i akan dianggap telah bersetuju untuk melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.

23. FD/FD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan (kecuali amaun FD yang digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Sila rujuk kepada Terma & Syarat Kad Kredit dengan Deposit Tetap untuk maklumat lanjut.

**UMUM**

24. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
    (i) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi, Terma dan Syarat Umum Akaun, terma dan syarat berkaitan bagi Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan FD/FD-i Sertaan (“**Terma dan Syarat Berkenaan**”);
    (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah tepat dan muktamad;
    (iii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
    (iv) untuk mengakses Laman Sesawang Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
    (v) bahawa faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
    (vi) untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

25. Bank berhak:
    (i) dengan notis awal kepada pelanggan, menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan memaparkan dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa;
    (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
    (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Terma dan Syarat Berkenaan dikesan.

26. T&S ini dan Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S ini, Terma dan Syarat Umum Akaun, terma dan syarat berkaitan bagi Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan FD/FD-i Sertaan, T&S spesifik di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

27. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.

28. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk Produk Layak untuk Perlindungan PIDM).**

Deposit-i adalah produk deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my